

## **UCAPAN ALU-ALUAN**

**YBHG. DATUK SERI DR. MOHD AZHAR BIN  
HJ. YAHAYA  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,  
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

**SEMPENA  
PROGRAM MESTECC 2019:  
KUASAI, LAKSANA, UNGGULI.  
(OWN IT, DO IT, ACE IT.)**

**28 JANUARI 2019 (ISNIN)  
HOTEL ZENITH, PUTRAJAYA**

**Terima kasih saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Yeo Bee Yin**

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

**Yang Berhormat Isnaraissah Munirah Majilis**

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,**

1. Terlebih dahulu bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, sempena **Program MESTECC 2019: Kuasai, Laksana, Ungguli (Own It, Do It, Ace It).**
2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) serta Yang Berhormat Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri MESTECC kerana dapat meluangkan masa bersama-sama kita pada hari ini. Sebentar lagi kita semua akan mendengar amanat bagi tahun 2019 oleh Yang Berhormat Menteri dan pada hari ini juga Yang Berhormat Menteri akan melancarkan Inisiatif MESTECC 2019. Terima kasih juga kepada semua jemputan yang hadir, terutamanya ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi khususnya yang

terlibat dengan 3 sektor MESTECC iaitu tenaga; sains dan teknologi; serta alam sekitar dan perubahan iklim.

### **Yang Berhormat Menteri dan para hadirin sekalian**

3. Terdapat 4 komponen utama dalam program pada hari ini, iaitu (1) Majlis Amanat YB Menteri Tahun 2019, (2) pelancaran Inisiatif MESTECC 2019, (3) pelancaran Laporan *Malaysia Third National Communication (NC3) and Second Biennial Update Report (BUR2)*, dan akhirnya *walkabout* yang akan mempamerkan senarai Inisiatif MESTECC 2019 dan highlight program / aktiviti utama Bahagian / Jabatan / Agensi MESTECC.
  
4. Program hari ini bertujuan bagi menguar-uarkan Inisiatif MESTECC 2019 kepada semua Warga MESTECC serta para *stakeholders*. Program ini juga diharapkan akan menjadi platform kepada

semua pemegang inisiatif untuk mendapatkan input daripada semua *stakeholders* mengenai Inisiatif MESTECC 2019.

5. Semua inisiatif ini adalah hasil daripada pelbagai sesi perbincangan telah diadakan pada setiap peringkat sejak November 2018. Ini termasuklah sesi bersama dengan YB Menteri dan YB Timbalan Menteri pada 20-21 Disember 2018 yang lalu. Melalui pemerhatian saya, proses penyediaan Inisiatif MESTECC 2019 ini telah berjalan dengan teliti dan melalui *very high intensity discussion* pada semua peringkat pegawai.

6. Hasilnya, sebanyak 73 inisiatif telah dikenal pasti meliputi semua sektor utama dalam kementerian iaitu tenaga (20 inisiatif), sektor sains dan teknologi (22 inisiatif), sektor alam sekitar dan perubahan iklim (20 inisiatif). Selain itu, sebanyak 6 inisiatif yang berkaitan isu strategik juga dikenal pasti serta 5 inisiatif berkaitan kecemerlangan dan keseronokan bekerja dalam kalangan warga

kementerian. Bak kata mantan Presiden Amerika Syarikat, Barrack Obama, *we need to internalize the idea of excellence.*

### **Pelancaran Laporan Malaysia Third National Communication (NC3) dan Second Biennial Update Report (BUR2)**

7. Pada hari ini juga, Yang Berhormat Menteri akan melancarkan Laporan Malaysia Third National Communication (NC3) dan Second Biennial Update Report (BUR2). Laporan ini merupakan komitmen Malaysia di bawah United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) untuk melaporkan pencapaian terkini negara dalam pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases*) serta usaha berkaitan perubahan iklim negara. Bagi mengukuhkan komitmen negara terhadap UNFCCC ini, MESTECC perlu memantapkan tadbir urus perubahan iklim. Sehubungan dengan itu, salah satu Inisiatif MESTECC 2019 adalah penubuhan National

Climate Change Centre (NCCC) di bawah Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

8. Selain daripada aktiviti-aktiviti utama yang saya nyatakan tadi, suka saya memaklumkan bahawa terdapat beberapa pengisian lain dalam program kita pada hari ini. Antaranya ialah *pocket talk* mengenai pelbagai topik yang berkaitan MESTECC, pameran pembudayaan, serta pelbagai sesi interaktif yang disediakan di *booth-booth* pameran.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

### **Penutup**

9. Akhir sekali, saya berharap program kita pada hari ini akan mencapai matlamatnya. *Today is just a beginning.* Saya menyeru kepada semua warga MESTECC supaya komited dan bersama-sama berganding bahu untuk melaksanakan ke semua inisiatif ini.

10. Secara peribadi, saya sangat teruja untuk mengharungi tahun 2019 ini bersama semua warga MESTECC/jabatan dan agensi di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

**Kuasai, Laksana, Ungguli.**

**Own It, Do It, Ace It.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.